

SKEMA SET 7

Soalan 1 : Rumusan

Pendahuluan (2 markah)

Markah

P1	Petikan membincangkan faedah-faedah / manfaat / kepentingan/ kelebihan mandi terhadap kesihatan tubuh badan.	2
P2	Petikan membincangkan faedah-faedah / manfaat / kepentingan/ kelebihan mandi dan kesan-kesan sekiranya seseorang malas mandi.	2
P3	Rumusan/rumusan ini membincangkan faedah-faedah / manfaat / kepentingan/ kelebihan mandi dan faktor-faktor yang menghalang seseorang daripada mandi	2
P4	Petikan membincangkan faedah-faedah / manfaat / kepentingan / kelebihan mandi.	1
P5	Rumusan ini membincangkan kebaikan-kebaikan mandi dan faktor-faktor yang menghalang seseorang daripada mandi	0

Isi Tersurat [4 hingga 12 markah] Kebaikan-kebaikan mandi		
S1	Menjaga kebersihan diri	2
S2	Menyegarkan tubuh badan	2
S3	Meningkatkan sistem imunisasi tubuh badan bagi melawan penyakit	2
S4	Mandi dapat membuang kotoran (1 m) dan bakteria halus yang sukar dilihat pada kulit.(1 m)	
S5	Meredakan tekanan (1 m) dan menghilangkan stres (1 m)	2
S6	Membuka liang romah untuk mengeluarkan racun dari badan/menyinkirkan toksin yang terkumpul dalam badan	2
S7	Menjaga kesihatan dirinya sepanjang masa (1 m)/mengelakkan berlakunya masalah kesihatan yang lain (1 m)	2
S8	Menyembuhkan penyakit kencing manis kepada penghidapnya	2
S9	Memperbaik kesihatan jantung	2

Isi Tersirat (4 hingga 12 markah) Faktor-faktor yang menghalang seseorang daripada mandi		
T1	Sakit yang tidak boleh terkena air	2
T2	Ketiadaan air/ kehabisan air/ musim kemarau	2
T3	Sibuk dengan urusan kerja/ jadual kerja yang terlalu padat	2
T4	Bekalan air dicatu	2
T5	Cuaca yang terlalu sejuk/dingin	2
T6	Fobia terhadap air	2
T7	Dalam perjalanan yang jauh ke sesuatu tempat/destinasi	2
T8	Kawasan bekalan air terletak jauh dari rumah	2
T9	Kehabisan sabun mandi	2
(Isi-isi tersirat yang lain diterima sekiranya sesuai dan dipayungkan dengan jawapan T1-T9)		

Penutup (2 markah)		
K1	Kesimpulannya, setiap individu/masyarakat hendaklah meluangkan masa untuk mandi supaya kesihatan diri terjamin	2
K2	Kesimpulannya, setiap individu/masyarakat hendaklah meluangkan masa untuk mandi supaya badan sentiasa sihat.	2
K3	Kesimpulannya, setiap individu/masyarakat hendaklah meluangkan masa untuk mandi	1

Soalan 2 (a) – Petikan Umum

(i) Berikan maksud rangkai kata *berfungsi dengan elok* [2 markah]
Maksud rangkai kata *berfungsi dengan elok* ialah:

- berperanan /bertugas /mengepam dengan baik 2 m
- berperanan/bertugas/mengepam dengan elok 1 m
- berfungsi dengan baik 1 m

[Maksimum : 2 markah]

(ii) Kesan-kesan sekiranya seseorang itu malas mandi ialah:

- Lapisan kotor semakin menebal dan menjadikan kotoran sukar dibersihkan
- Kotoran melekat ditubuh dan mudah dijangkiti penyakit
- Bau badan kurang menyenangkan
- Berpeluh menjadikan tubuh badan lebih kotor

[Maksimum : 3 markah]

[Isi cukup : 2 isi]

(iii) Pada pendapat saya, selain mandi, cara-cara untuk mengekalkan tubuh badan yang sihat ialah:

- Seseorang itu perlu menjaga kebersihan diri dengan memakai pakaian yang bersih/ memotong kuku supaya dapat menghindarkan diri daripada dijangkiti penyakit. [1+1]
- Memastikan kawasan persekitaran bersih kerana kawasan persekitaran yang kotor akan menggalakkan pembiakan haiwan pembawa penyakit. [1+1]
- Mengamalkan pemakanan yang seimbang agar makanan yang dimakan berzat dan mempunyai vitamin dan mineral yang tinggi. [1+1]
- Seseorang itu juga perlulah bertemu dengan doktor sekurang-kurangnya dua kali dalam setahun supaya sebarang penyakit dapat dikesan ketika pada peringkat awal. [1+1]
- Mengamalkan gaya hidup sihat seperti tidak merokok dan tidak minum

minuman keras kerana boleh memudaratkan kesihatan diri. [1+1]

- Mengamalkan riadah / bersenam sekurang-kurangnya 3 kali seminggu supaya fizikal dan mental sentiasa sihat [1+1]
- Mendapatkan rehat/ tidur yang secukupnya untuk membolehkan seseorang itu lebih tenang [1+1]

[Maksimum : 4 markah]
[Isi cukup : 3 isi]

Soalan 2 (b) : Petikan Cerpen Jaket Kulit Kijang dari Istanbul

- (i) Berdasarkan petikan, Aku menyatakan bahawa jaket itu tidak praktikal untuk kegunaan harian di Malaysia kerana:

- P1 Memakainya pasti akan membuat diri berasa panas dalam cuaca terik di tanah air
- P2 Menjaganya pasti memerlukan kerapian /tidak boleh dibasuh/ tidak boleh dilipat sembarang
- P3 Walaupun harganya mahal, jaket kulit bukannya sesuatu yang tahan lasak
- P4 Kainnya mudah carik dan jika koyak, tidak dapat dijahit dengan benang.

[Maksimum : 2 markah]
[Pilih mana-mana 2 isi]

- (ii) Pada pendapat saya, persediaan-persediaan yang perlu kita lakukan sebelum melancong ke luar negara ialah:

- P1 Menempah tiket penerbangan seawal 6 bulan supaya dapat lebih jimat
- P2 Menempah hotel lebih awal sebelum sampai tarikh melancong
- P3 Menyimpan nombor telefon/alamat kedutaan Malaysia di negara kita bercuti
- P4 Membawa dan menyimpan ubat yang diperlukan dalam satu bekas dan dilabelkan
- P5 Menyediakan peta / pelan terperinci tentang senarai tempat yang hendak dikunjungi di negara tersebut sebelum melancong ke luar negara
- P6 Mengetahui adat resam atau budaya penduduk di situ
- P7 Menukar mata wang dan mengetahui nilai mata wang di negara tersebut
- P8 Menyediakan pakaian yang sesuai dengan cuaca/iklim/ budaya negara tersebut
- P8 Mempelajari sedikit bahasa di negara tersebut

[Maksimum: 3 markah]
[isi cukup 2 isi]

- (iii) **Satu** latar masyarakat yang terdapat dalam petikan ialah :

P1 Latar masyarakat yang pemurah

Contohnya: Aku menyusun tiga buah buku, enam belas helai baju-T, tujuh kotak manisan lokum, dua kotak teh epal, sepuluh utas rantai kunci, lapan batang senduk kayu bertulis ayat al-Quran, empat keping pelekat magnet, tiga utas gelang manik, lima buah anak patung Turki, dan sebotol orga sebagai cenderamata untuk dibawa pulang ke Malaysia [1+1]

P2 Latar masyarakat yang suka mengembara

Contohnya : Aku, Kak Chah dan rakan-rakan telah mengembara ke Turki [1+1]

P3 Latar masyarakat yang suka menggembirakan / membantu orang lain

Contohnya : Aku sanggup membeli jaket kulit kijang daripada Shahmeem dengan bayaran USD100 walaupun Aku tidak nampak praktikalnya jaket itu untuk kegunaan di Malaysia

Pilih mana-mana 1 isi

Satu latar masyarakat yang lain daripada cerpen tersebut yang tidak terdapat dalam petikan ialah:

K1 Latar masyarakat yang suka membaca

Contohnya : Mas/Penulis suka membaca buku-buku yang ditulis oleh penulis tersohor seperti Mevlana Celaleddin Ar-Rumi, penyair hebat dan Nasreddin Hodja, tokoh pendidik berjiwa humoris [1+1]

K2 Latar masyarakat yang bijak membuat perancangan/berjimat cermat

Contohnya : Mas/penulis telah membuat senarai barang dan cenderamata yang akan dibelinya untuk mengelakkan pembaziran [1+1]

K3 Latar masyarakat yang yang tidak mengamalkan nilai kesopanan dan tatasusila

Contohnya, Seorang pekedai jaket kulit di Grand Bazaar membuat pernyataan bahawa Mas sebagai Muslim yang tidak baik dan menghalang Mas keluar dari kedainya kerana marah kepada Mas yang tidak jadi membeli jaket di kedainya

K4 Masyarakat yang mengamalkan kesederhanaan hidup

Contohnya, Aku selesa memakai jaket kain yang dibelinya di sebuah kedai buku terpakai di mana-mana destinasi pelancongan luar negara yang dikunjunginya

**Pilih mana-mana 1 isi
Maksimum 4 markah**

Soalan 2 (c) : Petikan Prosa Tradisional

(i) Maksud rangkai kata *dukacitalah sekalian empunya harta* ialah:

- | | | |
|----|-------------------------------------|----|
| P1 | Semua pemilik harta berasa sedih | 2m |
| P2 | Dukacitalah semua pemilik harta | 1m |
| P3 | Sekalian empunya harta berasa sedih | 1m |

[Maksimum : 2 markah]

(ii) Cara pembahagian harta yang dicadangkan oleh baginda raja ialah:

- P1 Harta dibahagi kepada 3 bahagian
P2 Dua bahagian diberi kepada Laksamana yang menjumpainya
P3 Satu bahagian diserahkan kepada pemilik harta tersebut

**[Maksimum : 3 markah]
[Isi cukup 2 isi]**

(iii) Pada pendapat saya, Laksamana tidak mengambil satu pun harta tersebut kerana :

- P1 Laksamana seorang yang berharta / kaya
- P2 Laksamana bersifat murah hati membantu orang-orang susah/ miskin
- P3 Laksamana ingin mengekalkan pengaruh
- P4 Laksamana ingin membantu pegawai-pegawai yang berkhidmat penuh setia
- P5 Laksamana ikhlas membantu tanpa mengharapkan balasan
- P6 Laksamana ingin menjaga maruah/ nama baik sebagai pemimpin

[Maksimum : 3 markah]

[Isi cukup 2 isi]

Soalan 2 (d) – Prosa Tradisional

(i) Keadaan yang berlaku apabila burung garuda datang menyerang Negeri Kembayat ialah:

- P1 Negeri habis rosak binasa
- P2 Seluruh negeri gempar
- P3 Semua rakyat bersedih
- P4 Rakyat melarikan diri ke merata-rata tempat

(ii) Tindakan-tindakan yang patut dilakukan oleh rakyat sebagai tanda menyayangi seorang raja ialah:

- P1 Mendoakan kesejahteraan diri raja
- P2 Mentaati perintah raja
- P3 Melindungi raja daripada musuh yang datang menyerang
- P4 Menjaga imej dan maruah raja

(iii) Dua nilai yang terdapat dalam syair di atas ialah :

- P1 Kebijaksanaan : Raja negeri Kembayat seorang raja yang bijaksana menyebabkan pedagang datang berkunjung
- P2 Keadilan : Raja negeri Kembayat memerintah dengan adil
- P3 Kesabahan : Setiap insan harus bersabar dalam mengharungi rintangan kehidupan
- P4 Pengorbanan : Dalam usaha mencapai kebahagian, seseorang perlu berkorban demi orang yang dikasihi
- P5 Keprihatinan : Seseorang perlu prihatin dengan kesusahan yang ditanggung oleh orang lain

Soalan 3: Pengetahuan dan Kemahiran Bahasa

Jawapan 3(a)

(a) Membina ayat

(i) **penat**

maksudnya tidak mempunyai kekuatan pada fikiran dan badan (terutamanya berehat selepas sesuatu kegiatan), jerih, letih, payah.

- (ii) ***kepenatan***
maksudnya kelelahan , keletihan, rasa penat
- (iii) ***lembap***
maksudnya masih basah , tidak rancak, lambat atau kurang mencapai kemajuan
- (iv) ***kelembapan***
maksudnya perihal lembap, perihal lambat atau kurang mencapai kemajuan
- (v) ***jatuh***
maksudnya turun ke bawah dengan cepat, menjadi kurang, terbenam, berbetulan dengan, bersamaan dengan, bubar, berhenti melakukan tugas, bangkrap, tidak berhasil, tidak dapat dipertahankan, sampai dan menjadi.
- (vi) ***kejatuhan***
maksudnya perihal jatuh, terkena (tertimpas) sesuatu yang jatuh , mendapat kebahagiaan (kesenangan)

[6 markah]

Soalan 3c

Kesalahan ejaan

SALAH	BETUL
tiusyen	tuisyen
semulajadi	semula jadi
katagori	kategori

Kesalahan imbuhan

SALAH	BETUL
melayar	melayari
hidupan	kehidupan
dibanding	dibandingkan

[6 markah]

Soalan 3dKesalahan penggunaan kata

SALAH	BETUL
berkuantiti	berkualiti
pekerjaan	kegiatan / aktiviti
selalu	kerap

Kesalahan tatabahasa

SALAH	BETUL
semua rakan-rakan	semua rakan / rakan-rakan
mereka bincangkan	dibincangkan oleh mereka
di dalam	dalam

[6 markah]

Soalan 3e

Peribahasa

- (i) masuk kandang kambing mengembek, masuk kandang kerbau menguak /di mana bumi dipijak di situlah langit dijunjung
- (ii) menconteng arang ke muka
- (iii) berjalan peliharakan kaki, bercakap peliharakan lidah.

[6 markah]

- (4b) Berdasarkan **sebuah** novel yang anda pelajari,uraikan dua latar tempat yang terdapat dalam setiap novel tersebut

Novel Jendela menghadap Jalan

1 **Kampung Sentosa**

Contohnya, Lili telah menghabiskan cuti persekolahannya selama dua minggu di sini

2 **Pekan Sentosa**

Contohnya, bas ekspres dari Kuala Lumpur telah menurunkan Lili di pekan ini sebelum Lili dijemput oleh Rashid untuk ke rumah datuk dan nenek Lili. [1+1]

3 **Rumah datuk/Haji Abdul Rahman**

Contohnya, Lili menghabiskan cuti persekolahannya pada penggal tiga di rumah datuknya, Haji Abdul Rahman. [1+1]

4 **Rumah Lili di Kuala Lumpur**

Contohnya, ibu mengejutkan Lili daripada tidur untuk mengingatkannya agar segera mandi dan bersiap-siap bagi urusan menghantarnya pulang ke kampung. [1+1]

5 **Rumah Che Jah**

Contohnya, Lili dan Rashid berkunung ke rumah Che Jah. Mereka menikmati hidangan tengah hari sebelum pulang ke rumah nenek [1+1]

6 **Rumah Geetha**

Contohnya, Lili telah berkunung ke rumah Geetha dan Geetha telah meluahkan perasaan bosannya yang lama bercuti di kampong dan ibu bapanya pula sibuk di kedai runcit

7 **Pondok buruk**

Contohnya, Haziq dan Rafiq, anak-anak Che Jah telah membawa dan menahan Lili di sebuah pondok buruk yang terletak di dalam hutan di Kampung Sentosa.

[1+1]

8 **Surau Kampung Sentosa**

Contohnya, berlaku pertikaian antara penduduk kampong berhubung dengan pemasangan kubah sama ada pada bumbung surau atau pada masid yang akan dibina

9 **Pasar Malam**

Contohnya, Rashid telah membawa Lili mengunjungi pasar malam di Pekan Sentosa. Mereka telah menikmati nasi padang secara percuma di salah sebuah warung makanan milik rakan Rashid. [1+1]

10 **Restoran makanan segera**

Contohnya, Danel mengajak Lili makan makanan segera di salah sebuah restoran makan segera di Pekan Sentosa. [1+1]

Novel Songket Berbenang Emas Karya Khairuddin Ayip

1. **Padang bola jarring**
Dahlia berlatih bola jaring bersama dengan rakannya, Siti Wangi.
2. **Kantin sekolah**
Tempat Azahari menunggu Dahlia untuk bertemu dengannya.
3. **SMK Tun Ismail**
Tempat Azahari dan Dahlia belajar, sewaktu Dahlia tingkatan 1 dan Azahari Tingkatan 5.
4. **SM Temenggung Ibrahim**
Dahlia menimba ilmu sebagai pelajar tingkatan 6 dan dia tinggal di asrama sekolah ini.
5. **Bilik kerjaya**
Tempat cikgu Hisyam mendapat tahu masalah Dahlia daripada Kavita Tempat Dahlia bertemu dengan Cikgu Hisyam.
6. **Kebun getah**
Tempat Saleha menoreh getah dan bersembunyi.
8. **Hospital Batu Bahat (Wad 6)**
Tempat Saleha dibawa untuk mendapatkan rawatan awal
- .9 Hospital Batu Bahat (Wad 4)
Tempat Embong dirawat setelah dipatuk ular
10. **Hospital Permai Johor Bahru**
Tempat Saleha dirawat. Tempat Azahari bekerja sementara setelah mendapat segulung ijazah
11. **Kebun kelapa sawit di Parit Haji Kadir**
Tempat Embong bekerja sebagai pengait kelapa sawit
Tempat Embong dibelit oleh ular sawa
12. **SK Jelotong**
Tempat Said dan Melati bersekolah
13. **Rumah Aton**
Tempat Dahlia disindir oleh Aton. Aton mengatakan bahawa Dahlia punca kematian Said.
14. **Balai Raya kampung Haji Rais**
Penduduk kampung bergotong-ropong semasa majlis sambutan maulidur rasul empat pemindahan mangsa banjir yang berlaku di kampung Dahlia.

Soalan 4(b) : Satu peristiwa pada bahagian peleraian yang memberi teladan kepada pembaca

Novel Jendela Menghadap Jalan

1. Peristiwa Lili menyelesaikan masalah keganasan rumah tangga Che Jah dengan bantuan Puan Hamimah, Pegawai Kebajikan Masyarakat.

Sebab:

Seseorang yang berada dalam kesusahan perlu dibantu agar dapat meringankan beban mereka.

2. Peristiwa Lili berasa sangat bahagia sewaktu melihat ibu berbual-bual mesra dengan datuk semasa ibu pulang ke kampung untuk menjemput Lili pulang ke Kuala Lumpur.

Sebab:

Seseorang anak perlu mempunyai hubungan yang rapat dengan ibu bapanya walaupun sudah berkeluarga dan memiliki kerjaya yang baik.

3. Peristiwa Rafik dan Haziq akan menduduki peperiksaan PMR sebagai calon persendirian.

Sebab:

Pelajaran amat penting dalam kehidupan

4. Peristiwa Che Jah dan anak-anaknya mendapat pembelaan yang sewajarnya apabila suaminya Seman berjaya dihadapkan ke muka pengadilan.

Sebab:

Seseorang yang melakukan kesalahan perlu menerima hukuman yang setimpal dengan kesalahannya.

Novel Songket Berbenang Emas

1. Peristiwa Nek Kiah yang tidak menyukai keluarga Dahlia dan bersikap pilih kasih akhirnya insaf selepas dia dijaga dengan baik oleh Dahlia dan adik-beradiknya semasa Nek Kiah sakit.

Sebab:

Ahli keluarga tidak perlu mempunyai sikap pilih kasih terhadap anak cucu.

2. Peristiwa Penduduk Kampung Haji Rais telah bermuafakat dan bekerjasama membina rumah Embong semula yang musnah akibat banjir. Kaum wanita bergotong-royong menyediakan makan.

Sebab:

Permuafakatan amat penting dalam menyelesaikan sesuatu masalah.

3. Peristiwa Masyarakat kampung telah berjaya memungut sumbangan sebanyak RM500.00 dan sumbangan peribadi RM300 daripada Tauke Lim kepada Dahlia untuk melanjutkan pelajaran ke Jepun.

Sebab:

Kepentingan budaya tolong menolong dalam kehidupan bermasyarakat .

4. Peristiwa Dahlia terpilih melanjutkan pelajaran dalam bidang pengurusan perniagaan selama empat tahun di Jepun.

Sebab:

Ketabahan dan kegigihan menempuh pelbagai cabaran membuatkan memperoleh kejayaan.

5. Peristiwa Azhari menghadiah sehelai songket berbenang kepada Dahlia sebagai merainya kejayaan melanjutkan pelajaran dan simbol bahawa mereka orang Melayu.

Sebab:

Kepentingan menjaga mempertahankan budaya Melayu

PERATURAN PEMARKAHAN TAMAT